


FORUM BANDAR SEDUNIA



FORUM BANDAR SEDUNIA TERBESAR DAN PALING MENYELURUH DI KUALA LUMPUR 7-13 FEBRUARI 2018

UN HABITAT
FOR A BETTER URBAN FUTURE



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menganjurkan World Urban Forum 9 / WUF 9 (Forum Bandar Sedunia) bersama UN-Habitat pada 7-13 Februari 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

World Urban Forum (WUF) adalah antara forum persidangan yang paling aktif dan pelbagai dalam tempoh seminggu berlangsung dan satu forum teknikal bukan perundangan yang diadakan oleh UN-Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua tahun. Forum ini telah menjadi salah satu acara antarabangsa utama bagi

bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran bandar.

Objektif dan kaedah pelaksanaan WUF telah dimulakan semasa sesi pertama forum yang diadakan di Nairobi, Kenya, dari 29 April - 3 Mei 2002. Sesi kedua pula telah berlangsung di Barcelona, Sepanyol, 13-17 September 2004; ketiga di Vancouver, Kanada, 19-23 Jun 2006; sesi keempat di Nanjing, China, 3-6 November 2008; sesi kelima di Rio de Janeiro, Brazil, 22-26 Mac 2010; sesi keenam di Naples, Itali, 1-7 September 2012 dan sesi ketujuh di Medellin, Colombia, pada 5-11 April 2014.



Upacara menaikkan bendera dan ucapan Perdana Menteri merasmikan WUF 2018



Lagu rasmi untuk WUF9 telah dicipta dan dipersembahkan oleh pelajar-pelajar Universiti Lim Kok Wing, merupakan Forum Dunia Sedunia pertama yang mempunyai lagu rasmi

Kerjasama 2 hala antara Malaysia, agensi UN dan negara anggota



EU Ms. Corina Crețu (Pesuruhjaya Kesatuan Eropah untuk Dasar Serantau)

Ms. Corina Crețu, Pesuruhjaya Eropah bagi Polisi Setempat (Regional Policy) selaku wakil (EU) mengucapkan tahniah di atas kejayaan Malaysia selaku tuan rumah WUF9. Beliau mengagumi kepekaan pembangunan, kelendahan negara dan rakyat Malaysia yang ramah.



Mr. Ni Hong (Timbalan Menteri Perumahan Pembangunan Bandar & Luar Bandar)

Delegasi China mengucapkan tahniah dan memuji penganjuran WUF9 yang teratur dan penglibatan peserta yang ramai ke WUF9 di Kuala Lumpur. Kementerian Perumahan China berharap agar lebih banyak kerjasama dapat dijalin antara Malaysia dan China dalam bidang teknologi pembinaan.



United Arab Emirates (Pesuruhjaya Kesatuan Eropah untuk Dasar Serantau) UAE Faleh Al Ahbabi Menteri dan Ketua Pengarah Majlis Perancangan Bandar, Abu Dhabi Emiriah Arab Bersatu (UAE)

Delegasi UAE mengucapkan tahniah kepada Malaysia selaku tuan rumah WUF9. Berdasarkan pemohonan delegasi UAE, majoriti peserta WUF9 sangat berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah. Delegasi UAE juga berpuas hati dengan susun atur program, penyertaan seramai 30,000 peserta dari seluruh dunia dan logistik yang disediakan juga berkelas dunia. UAE mahu untuk berikhtisam pengalaman Malaysia mengenai penganjuran WUF9 agar WUF10 yang akan diadakan di Abu Dhabi pada tahun 2020 dapat dijalankan dengan lebih baik.



Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah (tengah) bersama Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar berkenan menyertai larian World Urban Run bersama Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar.



Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Falzuddin Putra Ioni (dua dari kanan), bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz (kanan) dan Menteri Perdagangan dan Pembangunan Belanda Sigrid Kaag (tengah) semasa 'Cycling Kuala Lumpur' sempena WUF 2018.



Rebutlah peluang pada perhimpunan yang unik ini untuk berkongsi inisiatif pembangunan dalam mencapai agenda transformasi bandar baharu yang lebih praktikal - Putera Charles

Lawatan delegasi luar negara tentang pengurusan perumahan awam Malaysia



Delegasi Morocco, South Africa dan Congo membuat lawatan ke PPR Sentul sambil diberi penerangan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Sri Mohammad Bin Mentek.



Raja Muda Perlis tertarik dengan projek-projek perumahan mampu milik yang disediakan oleh kerajaan Malaysia dan usaha kerajaan Malaysia dalam merancang pengurusan sisa pepejal yang sistematik dan teratur.



Perdana Menteri Malaysia, Datu' Seri Najib Razak bersama barisan delegasi yang terlibat dalam WUF 2018.



Delegasi USA dibawa ke sebuah unit kosong PPR Jinjang. Taklimat diberikan oleh YBhg. Datuk Sri Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT. Unit berkenaan berkeluasan 750 kaki persegi dengan 3 buah bilik. Delegasi juga dinikmati bawahan PPR Jinjang mempunyai sebanyak 2000 unit rumah.



Delegasi Morocco, Afrika Selatan dan Kongo dibawa melawat surau, bilik pengurusan jenazah dan taman permainan PPR Sentul. Delegasi seterusnya dibawa ke sebuah unit kosong berkeluasan 750 kaki persegi dengan 3 buah bilik. Delegasi juga dibawa melawat kawasan sebagai kawasan tempat letak kereta bertingkat dan kawasan sekitar PPR Sentul. Delegasi dimaklumkan bahawa PPR Sentul ini mempunyai 500 unit kediaman.